



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	17/8/2014

(BH-17/8/2014)

Umum pemberian insentif geran latihan

» Langkah menggalakkan lebih banyak syarikat daftar laksana GST



Oleh Nurul Hazren Masitom
nurulh@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kementerian Kewangan akan mengumumkan segera garis panduan pemberian insentif geran latihan, termasuk potongan cukai berganda terhadap syarikat yang bakal me-

laksanakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

Langkah itu bertujuan menggalakkan lebih banyak syarikat mendaftar untuk pelaksanaan GST sebelum akhir tahun ini.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Chua Tee Yong, berkata pihaknya kini sedang merangka garis panduan itu bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk menentukan status syarikat yang layak menerima insentif berkenaan.

"Ketika ini, syarikat kecil dan sederhana (SME) yang mengikuti

seminar dan latihan diberi insentif e-baucar sebanyak RM1,000. Kita akan umumkan juga garis panduan berhubung geran latihan, termasuk potongan cukai berganda apabila syarikat mengikuti latihan dan seminar.

12,500 syarikat telah daftar

"Selain itu, elaun potongan cukai juga diberi apabila mereka membeli perisian untuk melaksanakan GST," katanya

Turut hadir, Ketua Pengarah Kastam, Datuk Seri Khazali Ahmad dan Pengerusi Sekretariat

Khas Untuk Memperkasa Usahawan India (SEED), Datuk Ragu Subramaniam.

Tee Yong berkata, setakat semalam hanya 12,500 syarikat mendaftar untuk melaksanakan GST, jauh daripada sasaran 123,000 sehingga akhir September dan 300,000 sehingga Disember ini.

"Kita memberi tumpuan untuk menggalakkan lebih banyak syarikat mendaftar berbanding mengenakan penalti sebelum pelaksanaannya 1 April 2015," katanya.